

Praktis Topikal 6


Bahagian A

6.1 Pengasasan Kesultanan Johor Riau

1 Mengapakah Sultan Alauddin Riayat Shah I membuka pusat pemerintahan yang baharu di Kota Sayong?

- A Lebih selamat kerana kapal perang musuh sukar melintasi sungai yang sempit
- B Kedudukan yang strategik berhampiran sungai menggalakkan aktiviti perdagangan
- C Kedudukan yang strategik di kawasan sungai yang lebar dan dalam memudahkan kemasukan kapal dagang
- D Lebih selamat kerana bentuk muka bumi berbukit bukau menjadi benteng pertahanan daripada ancaman musuh

2 Persaingan antara tiga kuasa berikut telah mencetuskan



- A Perang Salib
- B Perang Saudara
- C Perang Seratus Tahun
- D Perang Perebutan Wilayah

3 Maklumat berikut menunjukkan cabaran ke arah kegemilangan Kesultanan Johor Riau.

Perang Johor-Jambi

Apakah faktor tercetusnya perang tersebut?

- A Johor menuntut wilayah Riau
- B Johor menuntut wilayah Jambi
- C Johor menuntut wilayah Tungkal
- D Johor menuntut wilayah Johor Lama

4 Siapakah X?

X

Mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor Riau dengan menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.

- A Raja Ali
- B Raja Muda
- C Raja Kechil
- D Sultan Johor

5 Konflik antara Bendahara Tun Habib Abdul Majid dengan Laksamana Tun Abdul Jamil telah menyukarkan Kesultanan Johor Riau mencapai kegemilangan.

Bagaimanakah pengakhiran konflik tersebut?

- A Pengunduran Laksamana Tun Abdul Jamil ke Terengganu
- B Pengunduran Bendahara Tun Habib Abdul Majid ke Terengganu
- C Pelantikan Laksamana Tun Abdul Jamil sebagai pemerintah Kesultanan Johor Riau
- D Laksamana Tun Abdul Jamil meninggal dunia dan jawatan Laksamana digantikan oleh anaknya

6 Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah kota pertahanan.

- Pagar yang dibuat dengan pancang kayu besar setinggi 40 kaki
- Diperkuatkan dengan bedil dan meriam

Apakah kota pertahanan tersebut?

- A Kota Kara
- B Kota Sayong
- C Kota Batu Sawar
- D Kota Makam Tauhid

7 Mengapakah Kesultanan Johor Riau menjalinkan hubungan persahabatan dengan Belanda?

- A Menghadapi ancaman Portugis
- B Mendapatkan bantuan kewangan
- C Merapatkan hubungan diplomatik
- D Mendapatkan bantuan tentera upahan

8 Apakah bantuan yang diberikan oleh Johor dalam perang Belanda-Portugis?


- I Membunuh musuh
- II Menggali parit kubu
- III Membuat tapak meriam
- IV Menyediakan bantuan perubatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6.2 Kegemilangan Kesultanan Johor Riau

9 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor Johor menjadi pusat perdagangan yang unggul?

- I Tumpuan para pedagang
 - II Kesibukan pelabuhan Johor Riau
 - III Jaminan keselamatan di pelabuhan
 - IV Pusat penyimpanan barang dagangan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

10 Peta berikut menunjukkan lokasi pelabuhan kerajaan Johor Riau di sepanjang Sungai Johor.



Bagaimanakah lokasi tersebut menjadi salah satu faktor Johor muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul?

- I Sungai Johor yang lebar dan dalam
 - II Terletak di persimpangan lalu lintas maritim
 - III Kawasan yang selamat kerana sukar ditembusi musuh
 - IV Kawasan berbukit bukau yang menjadi benteng pertahanan semula jadi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

11 Jadual berikut menunjukkan barang dagangan yang dibawa oleh pedagang luar. Pilih pasangan yang betul.

	Pedagang	Barang dagangan
A	China	Manik
B	Jawa	Tembaga
C	Gujarat	Wangian
D	Siam	Kain sutera

12 Maklumat berikut berkaitan mata wang yang digunakan dalam urusan jual beli di pelabuhan Kesultanan Johor Riau.

- Mas
- Kupang
- Katun

Siapakah yang memperkenalkan mata wang tersebut?

- A Raja Indera Bongsu
- B Sultan Alauddin Riayat Shah I
- C Sultan Alauddin Riayat Shah II
- D Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah

13 Maklumat berikut berkaitan peranan X.

- X
- ↓
- Penunjuk arah kepada pedagang
 - Menjadi tentera angkatan laut

Siapakah X?

- A Orang Laut
- B Laksamana
- C Syahbandar
- D Temenggung

14 Gambar berikut menunjukkan karya agung Kesultanan Johor Riau.



Hikayat Hang Tuah

Karya agung tersebut berkaitan dengan

- A kepahlawanan Hang Tuah dalam memerangi musuh
- B keberanian Hang Tuah mempertahankan kedaulatan Melaka
- C ketaatan dan kesetiaan Hang Tuah kepada raja dan Kesultanan Melayu Melaka
- D pengorbanan Hang Tuah untuk mengekalkan kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka